

# **PEMIKIRAN IBN KHALDUN MENGENAI ILMU DAN SOSIO-BUDAYA**

oleh

Prof. Madya Mohamad Kamil Hj Ab Majid

## **Abstract**

*The study is an attempt to analyse the point of view of Ibn Khaldun, a great muslim thinkers upon 'Ilm and Social-life. In the discussion, an attempt is also made to elaborate his views of country planning and economy value.*

## **Pendahuluan**

Setiap tamadun ada jasad dan roh. Ia betul-betul seperti seorang manusia. Jasad tamadun biasanya ditampilkkan oleh kejayaan material yang berupa bangunan pencakar langit, industri dan mesin-mesin. Malah apa sahaja yang membawa kepada kemewahan hidup, keselesaan dan kemudahan.<sup>1</sup>

Sementara roh atau jiwa tamadun ialah unsur-unsur kepercayaan, kefahaman, nilai, adab dan resam yang terpancar dari tingkah laku individu dan kumpulan. Ia juga meliputi hubungan di antara sesama manusia, pandangan mereka tentang agama dan kehidupan, alam dan manusia, individu dan masyarakat. Tidak dinasikan bahawa tamadun semasa iaitu "Tamadun Barat" contohnya, telah memberikan sumbangannya dalam memberikan kepada manusia kebebasan, membangun potensi, malah menjadikan alam tabi'i mudah untuk digunakan bagi kehidupan mereka. Manusia telah sampai ke angkasa seperti burung, menyelam di laut seperti ikan .... malah telah melakukan revolusi dari segi biologi dan maklumat. Lihat sahaja kemajuan yang dicapai pada teknologi komputer, pengklonan biologi dan sebagainya.<sup>2</sup>

Justeru itu seorang rakyat biasa pada masakini mampu memiliki kemewahan yang mungkin tidak dapat dimiliki oleh raja-raja pada zaman dahulu kala. Umpamanya alat-alat pemanas udara dan penyejuk bilik, atau segala peralatan automatik untuk memasak makanan atau menerangi tempat yang gelap....

---

<sup>1</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Islam: Hadarah Al-Ghad*, Matba'ah al-Madani, Kaherah, 1995, hlm. 11

<sup>2</sup> *Ibid.*

Tetapi adakah dengan kemudahan-kemudahan yang dibawa oleh teknologi serba canggih dari tamadun Barat ini telah memberikan kepada manusia masakini segala kebahagiaan, ketenangan, atau bak kata pepatah Arab kita menjadi “Bertubuh gajah tetapi bernyawa tikus”.<sup>3</sup>

Perbincangan seumpama ini begitu hangat diperkatakan oleh ahli fikir semasa. Ibn Khaldun (m.1406M.) di dalam penulisan beliau menerusi *Kitab al-Ibar* telah membincangkan secara panjang lebar mengenai kemajuan, kemewahan, perbandaran, pertukangan, kemasuhan sesebuah negara, malah turut membincangkan tentang politik, sosial, ekonomi, intelektual dan lain-lain.<sup>4</sup>

Malah pengalaman luas beliau dalam kerjayanya di bidang politik, pentadbiran, kehakiman dan sebagai sarjana yang melakukan pengembaraan beliau ke merata negeri dari Andalusia ke Mesir, Hijaz, Sham pada waktu itu di samping pembacaan yang luas menggabungkan dalam dirinya ciri-ciri kesarjanaan, ulama dan negarawan yang menakjubkan,<sup>5</sup> telah meletakkan nama beliau sebagai sebagai pengasas ilmu falsafah sejarah dan sosiologi, pemikir falsafah ekonomi dan pendidikan.

### Riwayat Hidup Serba Ringkas

Abdul Rahman Ibn Khaldun lahir di Tunisia pada awal Ramadhan T.H. 732 bersamaan 27 Mei T.M. 1332. Beliau mula berguru dengan ayahnya seorang ulama yang menguasai ilmu yang mendalam tentang *al-Qur'an* dan *fiqh*. Beliau selanjutnya belajar dari guru-guru lain ilmu Bahasa, Hadis, Falsafah, Ilmu Kalam, Logik, Geografi, Matematik, Astronomi, dan lain-lain. Sejak kecil Ibn Khaldun telah menghafal *al-Qur'an*. Ketika belum sampai usia 25 tahun beliau dilantik menjadi Setiausaha Raja Muda Abu Ishak. Kekacauan politik di Afrika Utara pada masa itu yang mengganggu aktiviti intelektualnya, T.M. 1354 telah menyebabkan beliau dipindah ke Morocco.

Di Morocco, Ibn Khaldun mendekati Sultan Abu 'Inan sehingga sultan melantik beliau menjadi anggota majlis ulama merangkap khatib. Di bandar Fez, beliau mendalami lagi ilmu pengetahuan dan mengambil kesempatan menggunakan sepenuhnya kemudahan perpustakaan Fez.

Selepas itu, mungkin percaya kepada konsep hijrah sebagai pemangkin kemajuan, Ibn Khaldun berhijrah ke Mesir. Di sana pula beliau diberi kepercayaan

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm. 12

<sup>4</sup> Umar Farukh, *Tarikh al-Fikr al-Rarabfi*. Beirut, 1983, hlm. 692-694

<sup>5</sup> Franz Rosenthal, Ibn Khaldun: *The Muqaddimah and Introduction to History*, New York, 1958. hlm. 34

mengajar di Universiti Al-Azhar. Suatu ciri yang ada padanya, ke mana sahaja dia pergi, Ibn Khaldun akan mendekati rajanya. Semasa Mesir di bawah pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq, Ibn Khaldun pula diangkat menjadi ketua Hakim mazhab Hambali. Di bidang kehakiman beliau berpegang kepada prinsip “Dengan sekutu tenaga saya berusaha melaksanakan hukum-hukum Allah. Sedikitpun saya tidak merasa takut terhadap celaan dalam menegakkan kebenaran. Pangkat manapun kekuasaan tidaklah membuat saya merasa takut. Kedua belah pihak yang akan diadili tidaklah saya diskriminasikan”.<sup>6</sup>

Sebagai orang asing yang berada di Mesir dan mendapat kedudukan tertinggi beliau tidak disenangi. Jawatan Ketua Hakim dilueut dan beberapa kali pula dilantik semula. Hal-hal ini berlaku sehingga empat kali. Akhirnya, beliau beralih kepada bidang pengajaran dan pendidikan. Tumpuan Ibn Khaldun lebih kepada bidang karang mengarang.<sup>7</sup>

### Pemikiran Ibn Khaldun Tentang Ilmu dan Budaya

Ibn Khaldun mempunyai kedudukan tinggi di bidang ilmu dan intelektual. Semakin kita mendalamai kitabnya *Muqaddimah Ibn Khaldun*, akan semakin nyata kehebatan tokoh genius ini.<sup>8</sup> Kitab ini merupakan bab pertama dari kitab *al-'Ibar*. Pokok-pokok persoalan utama yang dibincangkan iaitu mengenai pembangunan manusia secara umum, pembangunan bangsa-bangsa badui, Negara, Kekhalifahan dan raja-raja, pembangunan kota, kerjaya dan kegiatan ekonomi, juga mengenai ilmu pengetahuan.

Bab yang paling panjang ditulis beliau ialah mengenai ilmu dan pembelajaran. Ilmu menurutnya boleh meningkatkan pemikiran dan memberi kesan kepada pembentukan jiwa. Ia amat mustahak bagi membangun tamadun tinggi. Bandar-bandar lebih maju daripada desa kerana di bandar lebih ramai golongan terpelajar. Setiap bidang ilmu pula mempunyai keistimewaan masing-masing. Tetapi menurut Ibn Khaldun bidang ini memerlukan guru-guru yang berkelayakan.

Ilmu dan kerjayalah yang membezakan manusia dengan haiwan. Semakin tinggi pengetahuan penduduk sesebuah negeri semakin maju pula negeri tersebut. Jadi menurut beliau ilmu dan pekerjaan menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah negara.

<sup>6</sup> Ibn. Khaldun, *al-Ta'rif bi Ibn Khaldun*, (Penyunting), Muhamad Ibn Tawit al-Tanji, Kaherah, 1951, hlm. 254

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Sati al-Husari, *Dirasat 'Am Muqaddimah Ibn Khaldun*, 1961, hlm. 39

Kepada para guru, Ibn Khaldun mengingatkan mereka agar mengetahui kaedah mengajar yang betul. Tanpa kaedah pengajaran yang betul, guru boleh membingungkan pelajar sehingga mereka menganggap belajar itu adalah sesuatu yang sukar. Ia menjadikan pelajar jemu dan bosan dengan pelajaran. Kemudian murid hilang semangat belajar dan menjauhkan diri dari ilmu.

Pelajaran menurut Ibn Khaldun hendaklah diajar secara berperingkat-peringkat. Ia juga mesti mengambil kira kecerdasan pelajar. Mengajar secara kekerasan katanya lagi, akan membantu perkembangan peribadi murid dan menjadikan murid itu malas, curang dan menipu.<sup>9</sup>

Kecemerlangan ilmu menurut Ibn Khaldun adalah ditentukan oleh faktor politik, sosial, ekonomi dan sejarah. Ini terbukti dari kecemerlangan ilmu di Baghdad, Cordova, Basrah, Kufah dan Kaherah. Sementara kelemahan faktor-faktor di atas memalapkan pula ilmu di situ.

Menurut Ibn Khaldun, negara Turki yang pada satu ketika begitu lemah, telah bangkit apabila banyak terdirinya institusi pendidikan, berkembangnya institusi wakaf sehingga menjadi tempat tumpuan pelajar dari Iraq, Morocco dan lain-lain.

Bahasa sebagai alat ilmu turut dibincangkan oleh Ibn Khaldun. Beliau menyeru dipertingkatkan penguasaan bahasa sebagai media ilmu. Malah bahasa puisi katanya, boleh membentuk jiwa. Beliau membangkitkan supaya segala peribahasa, pepatah petitisih dihafal kerana ia melambangkan kebijaksanaan dan budaya bangsa.

Kemahiran pertukangan turut diperkatakan oleh Ibn Khaldun. Pertukangan dan kreativiti, kepakaran dan kemahiran lebih sukar dari ilmu. Ilmu lebih kepada teori, tetapi kepakaran dan kemahiran menuntut praktis sekaligus dari teori yang difahami.

Terlalu banyak isu pengajaran, ilmu, pendidikan, kemahiran yang dibangkitkan oleh Ibn Khaldun. Cukuplah sebagai contohnya, Ibn Khaldun mahu agar pendemokrasian ilmu pengetahuan dapat dilaksanakan. Satu-satu caranya ialah dengan memperluas bidang pengajaran di masjid-masjid. Apa yang mustahak guru-guru di masjid hendaklah terdiri dari kalangan yang benar-benar layak. Beliau menyeru raja-raja dan orang-orang kaya memberikan wakaf atau derma bagi perkembangan ilmu pengetahuan.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Ibid.*

## **Perancangan Negara**

Ibn Khaldun banyak membincangkan tentang masalah negara. Beliau menggesa para perancang mempastikan negara terkawal dari ancaman penyakit atau musuh luar. Ancaman terperlihara apabila ada kawalan keselamatan yang baik. Sementara penyakit pula, ianya akan dapat dikawal dengan menjaga mutu kebersihan udara. Turut sama diperlihara dan dikawal ialah sungai supaya ianya sedap mata memandang dan menjadi punca air bersih yang dapat menjadi sumber minuman bagi penduduknya. Di luar kota, hendaklah juga dibangun industri penternakan dan pertanian supaya ianya dapat memastikan sumber makanan yang cukup samada ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran.

Samalah halnya para perancang harus mengambil kira kecukupan tenaga, sistem pengangkutan yang mudah dan pelabuhan malah sistem pertahanan awam yang kuat.<sup>11</sup>

## **Ekonomi**

Ada lima puluh fasal perbincangan dibuat oleh Ibn Khaldun tentang ekonomi. Beliau telah membincangkan hukum penawaran dan permintaan. Hukum ini ditentukan oleh banyak faktor. Beliau turut membincangkan tentang keperluan asas dan keperluan mewah. Menurut beliau, ia berkembang dan tidak statis. Umpamanya, kenderaan yang mewah bagi sebahagian golongan adalah menjadi keperluan asas bagi golongan yang lain. Ia mungkin mewah di satu-satu tempat, tetapi menjadi keperluan asas pula di tempat yang lain. Semakin maju sesebuah negara, semakin banyak pula keperluan mewah dan asasnya. Malah yang mewah bertukar menjadi asas.

Ibn Khaldun percaya “nilai” sesuatu ditentukan asasnya dari “kerja” atau “usaha” yang dicurahkan. Justeru itu katanya, upah yang diberi kepada golongan terpelajar lebih mahal daripada gaji buruh yang tidak memerlukan pengetahuan tinggi.

Semakin maju sesuatu masyarakat, ianya semakin memerlukan ramai tenaga buruh. Upah dan gaji pun bertambah naik. Kesimpulan beliau ialah: Rezeki dan kekayaan adalah natijah dari usaha dan kerja. Namun demikian beliau tidak menafikan bahawa ada orang yang mendapat kekayaan tanpa bekerja kuat, terutama bagi para pemilik tanah dan harta. Semasa negara miskin, harga tanah menjadi murah. Apabila ia maju harganya akan melambung. Tuan-tuan tanah akan mendapat keuntungan berganda-ganda. Bagi mereka yang mewarisi kekayaan dari

---

<sup>11</sup> *Ibid.*

datuk nenek moyang mereka, mereka akan mendapat keuntungan dari kemajuan negeri.

Ibn Khaldun bolehlah dianggap sebagai seorang penganalisis sosio-ekonomi yang hebat pada zaman itu. Beliau turut melihat soal taraf hidup. Semakin banyak pendapatan semakin besar pula perbelanjaannya. Soal pasaran buruh turut sama dianalisis. Begitu juga soal pengemis yang bukan lagi mengemis kerana lapar, tetapi mengemis untuk mendapatkan kemewahan seperti mengemis daging, susu dan juga pakaian. Pengemis juga akan bertumpu ke bandar-bandar yang lebih maju.<sup>12</sup>

## **Penutup**

Amat banyak untuk dibincangkan pemikiran Ibn Khaldun tentang ilmu dan budaya. Artikel ini sekadar memberikan satu dua contoh yang menampilkan pemikiran beliau. Satu kajian lebih teliti tentang pemikiran Ibn Khaldun dalam semua aspek di negara ini amat mustahak dilakukan.

Penulis mencadangkan agar institusi-institusi pemikiran mengambil pendekatan mengkaji tokoh ini dan tokoh lain untuk mengambil manfaat dari pemikiran tinggi mereka bagi diaplikasi di negara ini.

Sebagai kesimpulannya, bagi melahirkan tokoh besar seperti Ibn Khaldun, ianya perlu kepada persekitaran yang mencabar, keperihatinan keluarga dan pendidik, supaya masyarakat Islam tidak lagi menjadi mandul tokoh-tokoh besar sebegini.

Semoga ungkapan tentang Ibn Khaldun sebagai genius bongsu atau terakhir dari dunia Islam tidak menjadi benar, sekurang-kurangnya selepas kelahiran Muhammad Iqbal, Malik bin Nabi dan lain-lain lagi.

---

<sup>12</sup> *Ibid.*